

06 JUN 2003

Agong-Produktivi

RAKYAT DIMINTA TERUS TINGKAT PRODUKTIVITI

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menasihatkan rakyat negara ini supaya terus berusaha meningkatkan produktiviti bagi memastikan ekonomi negara berdaya saing dan mantap.

Seri Paduka bertitah bahawa usaha itu bagi membantu pertumbuhan ekonomi negara yang baru-baru ini terjejas akibat pencerobohan di Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

"Perang Iraq telah memberi kesan kepada sektor eksport. Sungguhpun keadaannya kini telah mula reda, beberapa pihak di sektor swasta masih merasai kesan peperangan ini," titah Seri Paduka sempena ulangtahun keputeraan Yang di-Pertuan Agong yang disiarkan melalui RTM malam ini.

Tuanku Syed Sirajuddin percaya rakyat Malaysia bersedia menyahut cabaran dengan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi kesan negatif ke atas ekonomi ekoran SARS yang melanda beberapa negara.

"Di samping itu, rakyat digesa menjaga kebersihan dan mematuhi nasihat kerajaan dalam usaha membendung SARS di negara kita," titah Seri Paduka.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah negara telah berjaya menunjukkan kemampuan untuk berkembang semula dengan pelbagai strategi dan rangsangan untuk memastikan negara terus membangun selepas mengalami krisis ekonomi pada tahun 1998.

"Bagaimanapun, kelembapan ekonomi dunia menyebabkan negara sukar mencapai pertumbuhan yang tinggi kerana kesan-kesan sampingan daripadanya," titah Seri Paduka.

Tuanku Syed Sirajuddin turut memuji kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana komitmen, dedikasi serta perkhidmatan cemerlang beliau yang berjaya membawa negara ke tahap pembangunan yang membanggakan.

Seri Paduka juga mengingatkan rakyat supaya lebih peka terutamanya dalam menghadapi era globalisasi dan liberalisasi serta kemajuan teknologi yang pesat membangun dewasa ini.

Perkembangan globalisasi dan teknologi adalah begitu pantas dan ia tidak dapat dielakkan, titahnya.

"Di samping manfaat yang diperolehi, terdapat juga kesan negatif yang perlu ditangani, justeru itu Beta ingin menggesa rakyat supaya mengikuti perkembangan ini di samping melengkapkan diri untuk menghadapi perubahan-perubahan baik dan buruk dengan tabah supaya tidak ketinggalan," titah Seri Paduka.

Tuanku Syed Sirajuddin menggesa supaya aktiviti penyelidikan terutamanya dalam sains dan teknologi dilipatgandakan demi mencapai matlamat negara menjadi sebuah negara industri maju yang dapat bersaing dengan negara maju lain di dunia.

"Beta bangga dengan usaha-usaha kerajaan untuk memastikan rakyat diberi peluang saksama dalam mendapat perkhidmatan yang disediakan kerajaan dalam semua bidang termasuk pendidikan, ekonomi, perumahan dan kesihatan," titah Seri Paduka.

Yang di-Pertuan Agong menarik perhatian bahawa usaha kerajaan untuk mengagihkan kekayaan negara dengan seadil-adilnya adalah selaras dengan prinsip demokrasi dan keadilan.

Justeru itu, Seri Paduka berharap rakyat terus memberi sokongan dan kerjasama kepada kerajaan untuk terus membela nasib rakyat tanpa mengira kaum, agama, jantina dan kedaerahan.

-- BERNAMA
MUN KHY RON